

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia Online

Tarikh : 04/09/2019

Edisi / Muka surat : www.utusan.com.my

Tajuk : My Angkasa Bina, JYC Dan Rangkaian Delima Jalin Kerjasama Bina Merdeka Residensi

My Angkasa Bina, JYC Dan Rangkaian Delima Jalin Kerjasama Bina Merdeka Residensi



- 04 September 2019 1:46 PM

KUANTAN 4 Sept. - My Angkasa Bina, JY Creative (JYC) Development Sdn. Bhd. dan Rangkaian Delima Sdn. Bhd. bekerjasama bagi mendirikan sebuah pangsapuri servis setinggi 32 tingkat dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang terletak di pusat bandar ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, projek berkenaan dikenali sebagai Merdeka Residensi.

Jelasnya, projek itu akan dibina oleh kontraktor utama iaitu JYC bermula tahun ini dan dijangka siap dalam masa empat tahun.

"Apabila siap dibina, Merdeka Residensi akan mempunyai enam unit pejabat, enam unit kedai, empat unit restoran, 361 unit kediaman dan tempat letak kereta bertingkat.

"Kita akan bincang dengan pemaju (JYC) bagi memastikan harga yang ditawarkan adalah kompetitif dan mampu dibeli terutama oleh ahli-ahli koperasi di negeri ini," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian Merdeka Residensi di sini hari ini.

Yang hadir sama, Naib Presiden Angkasa, Datuk Che Mohd. Shukree Che Isa, Pengarah Urusan JYC, Datuk Aw Yong Kai Jan dan Pengarah Eksekutif JYC, Khor Kok Lim.

Abdul Fattah berkata, Merdeka Residensi adalah projek pertama di Pahang melibatkan Angkasa bagi membantu ahlinya memiliki rumah.

- UTUSAN ONLINE